


2

Perkembangan Ekonomi dan Kerjasama Antarabangsa





Perkembangan Ekonomi dan Kerjasama Antarabangsa

Tinjauan

Kemelesetan global semakin pulih...

Ekonomi dunia menunjukkan tanda pemulihan daripada kemelesetan paling teruk sejak Perang Dunia Kedua, lebih awal daripada dijangka. Proses pemulihan ekonomi pada awal tahun 2009 adalah menggalakkan memandangkan krisis kewangan yang bermula di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah adalah terburuk pernah terjadi dan berubah menjadi krisis ekonomi akibat kejatuhan mendadak harga aset dan permintaan global. Kesan daripada kejatuhan mendadak tersebut menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara membangun menjadi sederhana. Namun begitu, pemulihan ekonomi global dijangka bertambah kukuh dalam tempoh separuh kedua 2009.

Pemulihan ekonomi disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor terpenting ialah penyuntikan beberapa trilion dolar AS oleh bank pusat utama untuk meningkatkan kecairan pasaran kredit dan usaha yang diselaraskan untuk mengekalkan kadar faedah yang rendah bagi menggalakkan pelaburan serta penggunaan. Pada masa yang sama, beberapa negara telah melaksanakan pakej rangsangan fiskal bagi mengurangkan kesan krisis dan merangsang ekonomi. Berikutan itu, kemerosotan ekonomi global dijangka stabil dengan penguncupan yang lebih rendah, didorong oleh prestasi ekonomi melebihi jangkaan di China, India dan negara Asia lain.

Prospek ekonomi negara membangun dan negara yang berkembang pesat dijangka positif pada tahun 2010. Ini berikutan langkah monetari dan fiskal telah memberi impak sepenuhnya kepada ekonomi serta usaha mengurangkan kebergantungan terhadap eksport kepada penggunaan domestik menunjukkan kesan. Negara maju pula dijangka

bergelut dengan masalah institusi kewangan yang menanggung kerugian lebih tinggi, golongan isi rumah dan perniagaan terus mengalami kesukaran mendapatkan kemudahan kredit serta kadar pengangguran yang tinggi. Di sebalik pelbagai ketidakpastian tersebut, ekonomi global dijangka mencatat pertumbuhan sederhana pada tahun 2010.

Prospek positif ini mencerminkan keberkesanan pakej rangsangan yang dilaksanakan oleh beberapa negara serta kerjasama antarabangsa bagi menangani krisis tersebut. Beberapa mesyuarat pelbagai hala telah menghasilkan usaha serentak dan koheren di peringkat antarabangsa bagi mengelakkan ekonomi global

JADUAL 2.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar Negara Terpilih 2008 – 2010

	Perubahan (%)		
	2008	2009 ¹	2010 ²
Dunia	3.0	-1.1	3.1
Negara Maju	0.6	-3.4	1.3
Amerika Syarikat	0.4	-2.7	1.5
Kawasan euro	0.7	-4.2	0.3
Jepun	-0.7	-5.4	1.7
Asia			
China	9.0	8.5	9.0
Republik Korea	2.2	-1.0	3.6
India	7.3	5.4	6.4
ASEAN			
Indonesia	6.1	4.0	4.8
Filipina	3.8	1.0	3.2
Singapura	1.1	-3.3	4.1
Thailand	2.6	-3.5	3.7
Viet Nam	6.2	4.6	5.3
Malaysia	4.6	-3.0	2.0 - 3.0

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: IMF dan agensi negara berkaitan.



merosot lebih teruk. Kebanyakan negara kekal komited kepada matlamat jangka panjang untuk memperbaharui arkitektur kewangan antarabangsa dan memelihara sistem perdagangan dunia. Bagi tempoh terdekat ini, semua negara akan terus bekerjasama untuk mengembalikan kestabilan kewangan serta pertumbuhan ekonomi.

Perkembangan Ekonomi Antarabangsa

Tanda pemulihan semakin ketara...

Kemelesetan serentak ekonomi utama telah menjejaskan ekonomi dunia dalam tahun 2008 dan telah menyebabkan penguncupan ketara permintaan global pada suku keempat. Keadaan ini dicetuskan oleh keruntuhan pasaran kewangan di negara maju, mengakibatkan kekangan kredit yang teruk dan seterusnya menjejaskan firma serta individu. Penguncupan mendadak tersebut telah menyumbang kepada kejatuhan dalam aliran perdagangan dan pelaburan global yang berlanjutan ke suku pertama 2009, memberi gambaran ekonomi global hampir terjerumus kepada kemerosotan yang dialami pada tahun 1930-an. Walau bagaimanapun, pelaksanaan langkah fiskal dan monetari secara besaran oleh kerajaan serta bank pusat untuk mengatasi kejatuhan ekonomi telah menghasilkan kesan positif dan ekonomi global menunjukkan tanda pemulihan pada suku kedua 2009.

Dalam konteks ini, ekonomi membangun yang berkembang pesat pada amnya, terbukti lebih berdaya tahan dalam berdepan dengan krisis ekonomi global. India dan Brazil yang kurang bergantung kepada eksport, tidak begitu terjejas dengan kejatuhan perdagangan global pada penghujung tahun 2008. Sementara itu, China mengurangkan impak krisis ke atas ekonominya melalui rangsangan fiskal dan monetari yang besar. Ini telah meningkatkan pertumbuhan suku pertama 2009 dan terus mengukuh lagi pada suku berikutnya. Daya tahan ekonomi China pula telah membantu menjana pemulihan ekonomi Jepun dan kawasan euro. Walau bagaimanapun,

ketidaktentuan masih berterusan dan pertumbuhan global pada tahun 2009 dijangka lebih rendah pada -1.1% (2008: 3.0%).

Di kalangan negara Kumpulan Tujuh (G-7) yang paling teruk terjejas akibat kemelesetan global ialah AS, kawasan euro dan Jepun. **Amerika Syarikat (AS)** yang merupakan pusat bermulanya krisis kewangan terus mengalami penguncupan sepanjang tahun 2009 tetapi pada kadar yang semakin perlahan. Selepas pertumbuhan kukuh selama sedekad, kegawatan kewangan dan kemerosotan dalam pasaran perumahan telah menyebabkan ekonomi AS terjerumus ke dalam kemelesetan terburuk sejak Kemelesetan Besar. Ekonomi AS telah menguncup empat suku berturut-turut bermula pada suku ketiga 2008. Bagi mengurangkan kesan kemelesetan, kerajaan AS telah meluluskan satu pelan pemulihan bernilai USD700 bilion pada bulan Oktober 2008 dan satu pakej rangsangan bernilai USD787 bilion pada bulan Februari 2009. Dana ini bertujuan menyelamatkan institusi kewangan serta mewujudkan peluang pekerjaan, menggalakkan perbelanjaan pengguna dan membina semula infrastruktur. Tambahan pula, sejak bulan Disember 2008, *Federal Reserve Board* (Fed) mengekalkan kadar polisi pada paras terendah iaitu antara 0.00% dan 0.25% untuk merangsangkan lagi pemberian pinjaman bank.

Langkah membendung kemerosotan mulai menunjukkan kesan pada suku kedua 2009. Walaupun ekonomi AS menguncup 3.8% (April – Jun 2008: 1.6%), terdapat tanda pemulihan dengan penguncupan yang lebih kecil iaitu 0.7% (Januari – Mac 2009: -6.4%) berbanding suku sebelumnya. Perbelanjaan awam yang lebih tinggi dan pengurangan perbelanjaan yang lebih kecil oleh pengguna serta peningkatan nilai eksport bersih telah mengurangkan kesan kejatuhan mendadak dalam inventori. Selain itu, terdapat juga beberapa perkembangan positif dalam pasaran perumahan apabila jualan meningkat didorong oleh kadar faedah dan harga rumah yang lebih rendah serta insentif kredit cukai bagi pembeli rumah kali pertama. Skim *cash-for-clunkers* telah membantu merangsang perbelanjaan pengguna dan menggiatkan semula industri automotif. Walau



JADUAL 2.2

**Kadar Inflasi bagi Negara Terpilih
2008 – 2009**

	Perubahan (%)	
	2008	2009 ¹
Dunia	6.0	2.5
Negara Maju	3.4	0.1
Amerika Syarikat	3.8	-0.4
Kawasan euro	3.3	0.3
Jepun	1.4	-1.1
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain	9.3	5.5
China	5.9	-0.1
Republik Korea	4.7	2.6
India	8.3	8.7
ASEAN		
Indonesia	9.8	5.0
Filipina	9.3	2.8
Singapura	6.5	-0.2
Thailand	5.5	-1.2
Viet Nam	23.1	7.0
Malaysia	5.4	1.0

¹ Anggaran bagi 2009.

Sumber: IMF dan agensi negara berkaitan.

bagaimanapun, perbelanjaan pengguna masih lemah memandangkan kadar pengangguran kekal tinggi iaitu 9.8% pada akhir September (akhir September 2008: 6.2%). Sementara itu, inflasi masih berada di paras rendah dengan mencatatkan 0.4% pada bulan Ogos 2009 (Ogos 2008: 0.0%), berikutan harga bahan api yang lebih rendah. Berdasarkan perkembangan ini dan kesan positif daripada pakej rangsangan yang semakin ketara pada separuh tahun kedua, pertumbuhan keseluruhan bagi tahun 2009 dijangka mencatatkan penguncupan yang lebih kecil iaitu 2.7% (2008: 0.4%).

Sepertimana ekonomi AS, pertumbuhan 16 negara di **kawasan euro** menguncup dengan mendadak 4.8% pada suku kedua 2009 (April – Jun 2008: 1.4%). Sementara itu, berbanding suku sebelumnya, pertumbuhan ekonomi merosot

pada kadar yang amat kecil iaitu 0.2% (Januari – Mac 2009: -2.5%), terutamanya disebabkan pertumbuhan positif di Jerman dan Perancis, dua ekonomi terbesar di kawasan euro.

Pertumbuhan di **Jerman** didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan dan penggunaan swasta serta aktiviti pembinaan. Kerajaan memperkenalkan pakej rangsangan bernilai EUR85 bilion (USD118 bilion) pada bulan Januari 2009 dengan EUR18 bilion (USD25 bilion) diperuntukkan bagi aktiviti pembinaan baru dan membaik pulih kemudahan awam. Di samping itu, perbelanjaan pengguna meningkat pada kadar yang tertinggi dalam tempoh melebihi dua tahun, terutamanya didorong oleh skim pelupusan kereta serta kadar inflasi yang terendah. Walaupun eksport lebih rendah berbanding suku pertama, namun kemerosotan import yang lebih tinggi telah menghasilkan lebih eksport dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Begitu juga di **Perancis**, pertumbuhan dijana oleh perbelanjaan pengguna dan eksport serta pakej rangsangan berjumlah EUR26 bilion (USD33 bilion) yang diumumkan pada bulan Februari 2009. Pakej tersebut adalah untuk pelaburan di sektor awam, mencergaskan semula industri automotif, menambah pendapatan isi rumah yang teruk terjejas melalui potongan cukai, serta memberi subsidi kepada pekerja kontrak untuk golongan muda. Di samping itu, Kerajaan turut menjamin pinjaman baru bank sehingga EUR320 bilion (USD406 bilion), dan memperuntukkan modal sehingga EUR40 bilion (USD51 bilion) jika perlu, untuk meningkatkan kecairan dan mengukuhkan sistem perbankan.

Inflasi di kawasan euro susut daripada paras tertinggi 4.0% pada bulan Julai 2008 kepada -0.2% pada bulan Ogos 2009 disebabkan oleh harga minyak mentah dan permintaan pengguna yang lebih rendah. Dalam usaha untuk mengatasi kemerosotan ekonomi, *European Central Bank* (ECB) mengurangkan kadar polisi ke paras terendah iaitu 1.00% pada bulan Mei dan memperkenalkan program pembelian aset bernilai EUR60 bilion (USD85 bilion). Kadar pengangguran pula meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh 10 tahun iaitu 9.6% pada bulan



Ogos 2009 berbanding 9.5% bulan sebelumnya. Pada tahun 2009, pertumbuhan di kawasan euro dijangka menguncup 4.2% (2008: 0.7%).

Memandangkan kemerosotan ekonomi beransur pulih, prestasi ekonomi **Jepun** bertambah baik kepada -7.2% pada suku kedua 2009 (April – Jun 2008: 0.6%) dari -8.7% yang direkodkan pada suku pertama (Januari – Mac 2008: 1.3%). Berbanding suku sebelumnya, pertumbuhan ekonomi Jepun meningkat sedikit 0.6% didorong oleh peningkatan eksport berikutan permintaan tinggi dari negara China dan pasaran negara membangun yang berkembang pesat serta kesan daripada pelaksanaan pelan rangsangan ekonomi. Pelan rangsangan ini yang berjumlah 56.8 trilion yen (USD570 bilion) merangkumi pemberian tunai dan insentif untuk pembelian produk ekologi telah merangsang penggunaan dan pelaburan. Kesannya, perbelanjaan pengguna dan pelaburan kerajaan meningkat 0.8% dan 8.1% pada suku kedua 2009.

Sementara itu, *Bank of Japan* telah mengekalkan kadar polisi 0.10% pada bulan Ogos iaitu sejak bulan Disember 2008 untuk memastikan pemulihan ekonomi berterusan. Kadar inflasi mencatat -2.2% pada bulan Ogos (Ogos 2008: 2.1%), kejatuhan empat bulan berturut-turut berikutan kos petrol dan tenaga serta pengangkutan dan komunikasi yang lebih rendah. Pada masa yang sama, sektor pembuatan telah kembali pulih daripada kegawatan ekonomi dunia seperti mana yang ditunjukkan oleh *Purchasing Manager's Index* (PMI) yang meningkat kepada 53.6 pada bulan Ogos (Ogos 2008: 38.0), iaitu peningkatan kali kedua berturut-turut, di mana indeks kekal di paras melebihi 50 mata penanda aras dan tertinggi sejak November 2006. Walaupun sektor pembuatan telah kembali pulih, namun kadar pengangguran telah merekodkan peratusan paling tinggi dalam tempoh enam tahun iaitu 5.4% pada bulan Ogos (Ogos 2008: 4.1%). Keadaan ini sebahagian besarnya disebabkan syarikat yang bergantung kepada eksport telah mengurangkan bilangan pekerja serta jumlah pengeluaran akibat kejatuhan permintaan global serta keuntungan syarikat yang semakin berkurangan. Walaupun berdasarkan perbandingan suku tahun sebelumnya, Jepun mencatatkan

pertumbuhan ekonomi paling kukuh di kalangan G-7 pada suku kedua, namun pertumbuhan ekonominya masih dijangka menguncup 5.4% pada tahun 2009 (2008: -0.7%).

Negara membangun yang berkembang pesat di **Asia Timur** (Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara - ASEAN, China, Hong Kong, Republik Korea dan Taiwan) telah menunjukkan tanda kestabilan ekonomi pada suku kedua 2009. Ekonomi China telah merangsang ekonomi serantau pada keseluruhannya dan telah menyumbang kepada peningkatan prestasi ekonomi yang dijangka berterusan pada separuh kedua 2009. Secara keseluruhannya, pertumbuhan ekonomi di negara membangun yang berkembang pesat di Asia Timur, dijangka mencatat kadar yang lebih rendah iaitu 3.0% pada tahun 2009 (2008: 6.1%), yang menunjukkan rantau ini masih belum pulih ke paras sebelum krisis kewangan global.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) **China** pada suku kedua 2009 kembali kukuh kepada 7.9% (April – Jun 2008: 10.1%) berbanding kadar pertumbuhan lebih rendah yang dicatatkan dalam dua suku tahun sebelum ini. Pertumbuhan kukuh berterusan ekonomi China adalah kesan pelaksanaan pakej rangsangan fiskal bagi tempoh 2009 hingga 2010 yang berjumlah RMB4 trilion (USD586 bilion). Ini telah menjana peningkatan 33.5% dalam pelaburan aset tetap. Pakej tersebut melibatkan perbelanjaan kerajaan bagi pembinaan landasan kereta api dan jalan raya, terutamanya di kawasan yang terjejas teruk akibat gempa bumi di negara tersebut. Kerajaan juga mengurangkan cukai dan memberi subsidi kepada pengguna untuk merangsang penggunaan dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Eksport yang merupakan penyumbang utama pendapatan negara, bagaimanapun telah mencatatkan penurunan bagi lapan bulan berturut-turut serta menguncup 21.8% dalam separuh pertama 2009 (Januari – Jun 2008: 21.9%) dan telah menjejaskan pertumbuhan KDNK sebanyak 2.9 mata peratusan.

Sementara itu, inflasi pada bulan Ogos mencatat -1.2% iaitu kadar negatif tujuh bulan berturut-turut sejak bulan Februari 2009 (-1.6%). Ini



adalah disebabkan kejatuhan harga barangan bukan makanan, yang diburukkan lagi dengan lebih kapasiti di dalam ekonomi dan permintaan domestik yang lebih rendah. Pada bulan Ogos 2009, *People's Bank of China* mengekalkan kadar polisi pada 5.31% setelah mengalami lima penurunan sejak bulan September 2008 (7.47%). Pada masa yang sama, kuota pinjaman dan nisbah keperluan rizab juga telah dilonggarkan sejak bulan November 2008 bagi menambahkan lagi kecairan di dalam ekonomi. Ini telah meningkatkan jumlah pinjaman bank dengan ketara (Jun 2009: 34.4% y-o-y). Sebagai langkah mengekalkan pertumbuhan jangka panjang, kerajaan telah menstruktur semula industri dan menggalakkan bidang pertumbuhan baru seperti peruncitan, telekomunikasi, tenaga dan aktiviti alam sekitar serta penjagaan kesihatan. Dengan itu, ekonomi China diunjur berkembang 8.5% (2008: 9.0%) terutamanya disebabkan rangsangan fiskal kerajaan dan dasar monetari akomodatif yang dijangka meningkatkan permintaan pengguna.

Pertumbuhan ekonomi **Republik Korea (ROK)** menguncup 2.5% pada suku kedua 2009 (April – Jun 2008: 4.3%), lebih rendah berbanding penguncupan 4.2% pada suku pertama (Januari – Mac 2008: 5.5%). Sementara itu, berbanding suku tahun sebelumnya, pertumbuhan ekonomi ROK pada suku kedua mencatatkan peningkatan 2.3% iaitu yang terpanas dalam tempoh lebih lima tahun, didorong oleh peningkatan eksport yang tinggi serta perbelanjaan pengguna yang semakin bertambah. Eksport melonjak 14.7% dalam suku kedua berbanding tiga bulan sebelumnya, manakala perbelanjaan swasta meningkat 3.3%. Dalam persekitaran inflasi yang rendah, *Bank of Korea* telah mengekalkan kadar polisi terendah pernah dicatat iaitu 2.00% pada bulan Ogos, untuk lima bulan berturut-turut. Inflasi telah menurun enam bulan berturut-turut dan mencatat 2.2% pada bulan Ogos 2009 berbanding setahun lepas. Namun begitu, inflasi mengalami peningkatan 0.4% berbanding bulan sebelumnya berikutan peningkatan harga makanan, bahan api serta pengangkutan. Sementara itu, kadar pengangguran pada akhir Ogos ialah 3.7% (akhir Ogos 2008: 3.1%), berbanding 3.9% pada bulan sebelumnya. Ini sebahagiannya disebabkan oleh pewujudan peluang pekerjaan di sektor awam

sebagai respons kepada 219,000 pekerja yang kehilangan pekerjaan pada bulan Mei 2009 iaitu kadar tertinggi dalam tempoh 10 tahun.

Bagi merangsang lagi pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Korea telah melaksanakan langkah awal dikenali sebagai “Green New Deal” yang berjumlah KRW50 trilion (USD38 bilion) untuk tempoh 2009 hingga 2012. Pelan tersebut merupakan pendekatan serampang dua mata yang menjurus kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan pertumbuhan hijau dan pewujudan pekerjaan. Fokusnya adalah terhadap projek mesra alam seperti pemuliharaan tenaga, pengangkutan hijau, pengurangan karbon serta industri kecekapan tenaga. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2009, pertumbuhan ekonomi dijangka menguncup 1.0% (2008: 2.2%).

India mencatatkan pertumbuhan yang agak kukuh pada 6.1% dalam tempoh suku kedua 2009 (April – Jun 2008: 7.8%) dibantu oleh pengembangan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor perkhidmatan merekodkan pertumbuhan mapan 8.1% (April – Jun 2008: 10.2%), sebahagian besarnya disumbangkan oleh sub-sektor perdagangan, hotel, pengangkutan dan komunikasi. Bagaimanapun, sektor pertanian tumbuh lebih sederhana pada 2.4% (April – Jun 2008: 3.0%) sebahagian besarnya disebabkan kejatuhan hasil tuaian akibat tadahan hujan yang tidak mencukupi.

Bagi mengurangkan kesan kemerosotan ekonomi, India melancarkan empat pakej rangsangan pada bulan Disember 2008, Januari, Februari dan Julai 2009, berjumlah Rs2,180 bilion (USD447 bilion). Pakej rangsangan ini bertujuan meningkatkan akses kepada pembiayaan infrastruktur dan menggalakkan penggunaan melalui beberapa penurunan kadar polisi oleh *Reserve Bank of India*. KDNK dijangka tumbuh dengan kadar lebih perlahan iaitu 5.4% pada tahun 2009 (2008: 7.3%).

Di kalangan ekonomi utama ASEAN, Indonesia, Filipina dan Viet Nam mencatat pertumbuhan positif. Ekonomi **Indonesia** yang kurang bergantung kepada eksport berbanding jirannya di rantau ASEAN, tidak begitu terjejas akibat



penguncupan permintaan global dan kejatuhan harga komoditi. Hasilnya, Indonesia mencatat pertumbuhan yang kukuh pada 4.0% dalam tempoh suku kedua 2009 (April – Jun 2008: 6.4%) walaupun pada kadar yang lebih perlahan sejak tahun 2003, setelah berkembang 4.4% dalam tempoh suku pertama (Januari – Mac 2008: 6.3%). Pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan swasta dan perbelanjaan kerajaan, disokong oleh keputusan pilihan raya presiden yang memberangsangkan serta langkah rangsangan fiskal berjumlah Rp73.3 trilion (USD6.32 bilion). Bank Indonesia menurunkan kadar polisi kepada 6.50% pada bulan Ogos, iaitu penurunan kali kesembilan sejak bulan Disember 2008 untuk menggalakkan pelaburan dan memulihkan ekonomi. Pada bulan Ogos 2009, kadar inflasi meningkat sedikit kepada 2.8% berikutan kenaikan harga tenaga, selepas mencatat 2.7% pada bulan Julai 2009, paras terendah sejak tahun 2000. Pada tahun 2009, pertumbuhan ekonomi dijangka pada 4.0% (2008: 6.1%).

Ekonomi **Filipina** berkembang 1.5% dalam tempoh suku kedua 2009 (April – Jun 2008: 4.2%) setelah mencatat pertumbuhan 0.4% dalam tempoh suku pertama (Januari – Mac 2008: 3.9%). Prestasi melebihi jangkaan ini disebabkan oleh pelan rangsangan yang semakin memberi kesan kepada ekonomi telah meningkatkan perbelanjaan kerajaan dan pengguna sebanyak 9.1% dan 2.2%. Inflasi terus menyusut kepada 0.1% pada bulan Ogos 2009, terutamanya disebabkan harga bahan makanan yang lebih rendah berikutan penawaran domestik dan global yang bertambah baik. Bank pusat Filipina mengekalkan kadar polisi iaitu 4.00% pada bulan Ogos 2009 setelah beberapa siri penurunan sejak bulan Disember 2008 untuk menggiatkan semula ekonomi. Ekonomi dijangka berkembang 1.0% pada tahun 2009 (2008: 3.8%).

KDNK **Singapura** menguncup 3.5% dalam tempoh suku kedua 2009 (April – Jun 2008: 2.5%), iaitu lebih baik berbanding penguncupan 9.5% yang dicatatkan dalam tempoh suku pertama (Januari – Mac 2008: 6.7%). Prestasi yang lebih baik ini dipacu terutamanya oleh peningkatan pengeluaran dalam kelompok

pembuatan bioperubatan, penambahan semula stok inventori serta penambahbaikan ketara perkhidmatan kewangan. Inflasi jatuh lagi kepada 0.3% pada bulan Ogos 2009 (Ogos 2008: 6.4%), terutamanya disebabkan oleh kos pengangkutan dan komunikasi serta perumahan yang lebih rendah dengan pengurangan sebanyak 0.4% dan 1.6%. Pada tahun 2009, ekonomi Singapura diramal mencatat penguncupan 3.3% (2008: 1.1%).

KDNK **Thailand** menguncup 4.9% dalam tempoh suku kedua 2009 (April – Jun 2008: 5.3%) berbanding -7.1% yang dicatat dalam tempoh suku pertama, berikutan ekonomi global bertambah baik yang membantu menggalakkan eksport. Pada bulan Januari 2009, kerajaan memperkenalkan pakej rangsangan berjumlah THB116.7 bilion (USD3.3 bilion), termasuk pemberian tunai kepada golongan berpendapatan rendah serta subsidi untuk pengangkutan dan utiliti bagi membantu mengurangkan kesan kejatuhan ekonomi global. Selain itu, pada bulan Ogos 2009, kerajaan telah meluluskan program pelaburan untuk tempoh tiga tahun berjumlah THB1.06 trilion (USD31 bilion) bagi menggalakkan lagi pemulihan ekonomi. Inflasi mencatat -1.0% pada bulan Ogos (Ogos 2008: 6.4%) iaitu kadar negatif lapan bulan berturut-turut sejak bulan Januari 2009. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan pengurangan dalam harga makanan serta rekreasi dan pendidikan. Pada bulan Ogos, *Bank of Thailand* mengekalkan kadar polisi pada 1.25% sejak bulan April, untuk memastikan pemulihan ekonomi. Pada tahun 2009, pertumbuhan Thailand diunjur menguncup 3.5% (2008: 2.6%).

KDNK **Viet Nam** berkembang 4.5% dalam tempoh suku kedua 2009 (April – Jun 2008: 4.5%), iaitu lebih tinggi berbanding 3.1% yang dicatat dalam tempoh suku pertama (Januari – Mac 2008: 7.4%). Pertumbuhan didorong oleh prestasi sektor perindustrian dan perkhidmatan yang bertambah baik, iaitu berkembang 5.0% dan 5.7%. Inflasi berkurang sedikit kepada 2.0% pada bulan Ogos, terutamanya disebabkan oleh harga makanan dan bahan makanan yang lebih rendah. Pada bulan September, *State Bank of Viet Nam* mengekalkan kadar polisi pada 7.00%, tidak berubah sejak bulan Februari 2009 dan



kadar terendah sejak tahun 2004. Pada tahun 2009, ekonomi Viet Nam dijangka mencatat pertumbuhan 4.6% (2008: 6.2%).

Negara membangun lain dijangka mencatat pertumbuhan perlahan berikutan kejatuhan perdagangan luar, aliran keluar modal dan harga komoditi yang lebih rendah. Pertumbuhan ekonomi **Timur Tengah** dijangka menyederhana kepada 2.0% (2008: 5.4%) berikutan harga minyak lebih rendah, permintaan eksport yang lemah, masalah kecairan domestik, kiriman wang dan hasil pelancongan yang berkurangan serta kerugian pelaburan yang dialami oleh dana kekayaan berdaulat.

Di kalangan **negara pengeksport minyak** (Iran, Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi dan Kuwait), pertumbuhan ekonomi Emiriah Arab Bersatu, yang merupakan salah satu pusat kewangan global, dijangka menguncup berikutan pendedahan kepada kesan ketidakstabilan pasaran kewangan. Qatar, sebaliknya dijangka akan terus mencatat pertumbuhan dua angka iaitu 11.5% (2008: 16.4%), disokong oleh eksport gas asli cecair (LNG) yang kukuh, terus mengekalkan kedudukannya selaku pengeksport LNG terbesar dunia. Pertumbuhan KDNK bagi **negara bukan pengeksport minyak**, (Mesir, Jordan, Lebanon dan Syria) dijangka sederhana pada 4.5% (2008: 7.0%). Pertumbuhan sederhana ini berpunca daripada penurunan eksport, pelancongan, kiriman wang dan pelaburan langsung asing (FDI) berikutan prestasi ekonomi rakan dagangan utama yang lembap, khususnya AS dan negara teluk.

Pertumbuhan Komanwel Negara Merdeka (CIS) dijangka menguncup 6.7% pada tahun 2009 (2008: 5.5%), sebahagian besarnya disebabkan kekangan akses kepada pembiayaan luar akibat krisis kewangan global, permintaan dari negara maju yang semakin menurun dan kejatuhan harga komoditi terutamanya minyak. Rusia yang merupakan ekonomi terbesar, dijangka menguncup 7.5% (2008: 5.6%). Ekonomi yang lebih tertutup pula, seperti Azerbaijan, Tajikistan, Turkmenistan dan Uzbekistan yang kurang terdedah kepada krisis kewangan global dijangka mencatat pertumbuhan yang agak baik. Sementara itu, Belarus, Ukraine,

Armenia dan Georgia telah meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi mengatasi masalah imbalan pembayaran.

KDNK Amerika Latin dijangka mencatatkan -2.5% pada tahun 2009 (2008: 4.2%) berikutan eksport komoditi yang terus mengalami kejatuhan serta pelaburan yang lembap akibat pasaran kredit yang semakin ketat dan kenaikan kos modal yang mendadak. Kelembapan ekonomi serantau telah diburukkan lagi dengan penurunan dalam perbelanjaan pengguna, hasil pelancongan dan kiriman wang serta kedudukan belanjawan sektor awam yang semakin merosot. Mexico khususnya dijangka paling terjejas dan menguncup 7.3% (2008: 1.3%) akibat hubungan rapat ekonominya dengan AS.

Ekonomi **Afrika** diunjur berkembang pada kadar lebih perlahan 1.7% pada tahun 2009 (2008: 5.2%) terutamanya disebabkan harga komoditi yang lebih lemah, permintaan eksport yang lembap, kiriman wang pekerja yang lebih rendah dan kejatuhan FDI. Penurunan ini dijangka lebih ketara di kalangan negara pengeksport minyak, terutamanya Angola dan Equatorial Guinea, yang mana pertumbuhan ekonomi mereka akan mencatat 0.2% (2008: 13.2%) dan -5.4% (2008: 11.3%). Ekonomi Afrika Selatan diunjur merosot -2.2% (2008: 3.1%) kesan daripada aliran keluar modal yang ketara.

Aliran Pelaburan

Kejatuhan ketara aliran pelaburan global semasa kemelesetan ekonomi...

Pelaburan global tahun 2008 terjejas teruk akibat krisis kewangan dan ekonomi. Laporan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan Dan Pembangunan (UNCTAD) menunjukkan aliran pelaburan global menguncup 14.2% kepada USD1,697.4 bilion pada tahun 2008 setelah mencatat paras tertinggi USD1,978.8 bilion pada tahun 2007. Ini menandakan berakhirnya kitaran pertumbuhan dalam pelaburan antarabangsa. Keuntungan yang merosot, peluang pasaran yang semakin berkurangan serta kesukaran



mengakses modal telah menjejaskan sentimen perniagaan dan mengurangkan kecenderungan untuk melabur.

Aliran masuk FDI ke ekonomi maju jatuh dengan ketara sebanyak 29.2% kepada USD962.3 bilion (2007: USD1,358.6 bilion) memandangkan semua negara tersebut terjejas teruk akibat krisis kewangan. Kejatuhan ini juga diakibatkan oleh penurunan mendadak bilangan penggabungan dan pengambilalihan rentas sempadan iaitu satu mod utama FDI di negara maju. Sungguhpun mencatat kejatuhan mendadak 42.4% kepada USD518.3 bilion pada tahun 2008 (2007: USD899.6 bilion), Kesatuan Eropah (EU) merupakan penerima utama kemasukan FDI di kalangan negara maju dengan bahagian terbesar 53.9%, disokong terutamanya oleh saiz pasaran dan kualiti persekitaran perniagaan. Meskipun AS merupakan pusat bermulanya krisis, ia kekal sebagai penerima

tunggal terbesar sebanyak 16.6% daripada jumlah FDI global. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan aktiviti pemberian pinjaman dalaman daripada syarikat AS yang berada di luar negara kepada sekutu tempatannya. Faktor penarik lain termasuklah aktiviti penstrukturan besar-besaran, saiz pasaran domestik yang besar dan modal insan berkualiti serta sumber teknikal yang banyak.

Pada tahun 2008, aliran FDI ke negara membangun kekal teguh, meningkat 17.3% kepada USD620.7 bilion (2007: USD529.3 bilion). Asia Selatan, Timur dan Tenggara terus menarik sejumlah besar FDI (47.9%) diikuti oleh Amerika Latin dan Caribbean (23.3%). Aliran masuk FDI ke negara China dan India sebahagian besarnya disebabkan pertumbuhan ekonomi yang mapan, saiz pasaran yang luas, tenaga kerja mahir dan berbakat yang tersedia serta kos buruh yang murah. FDI di negara China tertumpu kepada aktiviti pengeluaran dan sektor harta tanah, manakala di India, dalam bidang perkhidmatan pengkomputeran dan telekomunikasi.

Aliran FDI ke ASEAN berkurangan 13.8% kepada USD59.9 bilion pada tahun 2008 (2007: USD69.5 bilion). Singapura menerima bahagian terbesar (USD22.7 bilion), diikuti oleh Thailand (USD10.1 bilion), Malaysia (USD8.1 bilion), Viet Nam (USD8.1 bilion) dan Indonesia (USD7.9 bilion). Viet Nam mencatat pertumbuhan paling kukuh sebanyak 20.9%, didorong oleh kemasukannya ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada tahun 2007, peningkatan aktiviti liberalisasi dan usaha promosi terutamanya dalam pembangunan infrastruktur. Aliran FDI ke Malaysia pada tahun 2008 menguncup sedikit iaitu 3.6% kepada USD8.1 bilion (2007: USD8.4 bilion), berikutan kemelesetan ekonomi global. FDI ini tertumpu dalam industri pembuatan seperti logam asas, produk elektrik dan elektronik, bahan kimia dan produk bahan kimia serta makanan.

Prospek pertumbuhan FDI global pada tahun 2009 dijangka masih perlahan akibat krisis ekonomi yang berlarutan dan kehilangan keyakinan pelabur. Pelabur dijangka menangguhkan pelaburan berikutan keuntungan yang tidak menentu, akses sumber kewangan yang terhad, peluang pasaran

JADUAL 2.3

**Aliran Masuk FDI bagi Rantau dan Ekonomi Utama Terpilih
2007 – 2008**

	USD bilion		Perubahan (%)
	2007	2008	
Dunia	1,978.8	1,697.4	-14.2
5 penerima utama bagi 2008			
Amerika Syarikat	271.2	316.1	16.6
Perancis	158.0	117.5	-25.6
China	83.5	108.3	29.7
United Kingdom	183.4	96.9	-47.2
Rusia	55.1	70.3	27.6
Negara Maju	1,358.6	962.3	-29.2
Kesatuan Eropah	899.6	518.3	-42.4
Jepun	22.5	24.4	8.4
Negara Membangun	529.3	620.7	17.3
Asia dan Oceania	332.7	388.7	16.8
India	25.1	41.6	65.7
ASEAN	69.5	59.9	-13.8
Singapura	31.6	22.7	-28.2
Thailand	11.2	10.1	-9.8
Malaysia	8.4	8.1	-3.6
Viet Nam	6.7	8.1	20.9
Indonesia	6.9	7.9	14.5
Ekonomi Peralihan	90.9	114.4	25.9

Sumber: UNCTAD.



JADUAL 2.4

**Eksport dan Import bagi Negara Terpilih
Januari – Ogos**

	Import			Eksport			Jumlah Dagangan		
	USD bilion		Perubahan (%)	USD bilion		Perubahan (%)	USD bilion		Perubahan (%)
	2008	2009		2008	2009		2008	2009	
Amerika Syarikat ¹	1,741	1,234	-29.1	1,250	996	-20.3	2,992	2,230	-25.5
Kawasan euro ²	2,439	1,637	-32.9	2,802	1,659	-40.8	5,241	3,296	-37.1
Jepun	511	344	-32.7	536	350	-34.7	1,047	694	-33.7
China	786	608	-22.6	940	731	-22.2	1,726	1,339	-22.4
Singapura	224	153	-31.7	238	168	-29.4	462	320	-30.7

¹ Termasuk barangan dan perkhidmatan.² Januari – Jun 2009.

Sumber : WTO dan agensi negara berkaitan.

yang berkurangan serta ketidaktentuan dalam pemulihan ekonomi global.

Aliran Perdagangan

Aliran perdagangan menguncup sejajar dengan kemerosotan global...

Prospek perdagangan pada tahun 2009 terjejas teruk oleh pergolakan sektor kewangan dan kegawatan ekonomi yang menyebabkan permintaan dunia menjunam. Aliran perdagangan dijejaskan lagi oleh pengurangan kredit secara mendadak bagi membiayai import dan eksport. Justeru, aliran perdagangan global dari segi kuantiti diunjur menguncup dengan ketara, iaitu 11.9% (2008: 3.0%).

Aspek ketara kelembapan perdagangan dunia adalah kejatuhan yang bersifat serentak, yang mana import dan eksport bulanan ekonomi maju dan membangun terus jatuh sejak bulan September 2008. Penguncupan di negara maju dijangka lebih ketara dengan eksport menurun 13.6% (2008: 1.9%), manakala eksport bagi ekonomi yang membangun pesat serta ekonomi membangun dijangka berkurangan 7.2% (2008: 4.6%). Import daripada negara maju juga dijangka menguncup dengan ketara, 13.7% (2008: 0.5%), manakala bagi negara yang membangun pesat

dan negara membangun adalah -9.5% (2008: 9.4%). Begitu juga permintaan untuk keluaran ASEAN berkurangan disebabkan kemerosotan ekonomi global. Walau bagaimanapun, aliran perdagangan intra-ASEAN yang signifikan telah membantu mengimbangi pertumbuhan eksport yang perlahan ke negara maju.

Jumlah dagangan **AS** bagi tempoh lapan bulan pertama 2009 menguncup dengan besarnya iaitu 25.5% kepada USD2,230 bilion (Januari – Ogos 2008: USD2,992 bilion). Prestasi buruk tersebut adalah berpunca daripada kemerosotan permintaan luar dan kedudukan kredit pengguna serta entiti perniagaan yang lebih ketat. Destinasi utama eksport AS ialah Kanada, dengan sumbangan 13.1% kepada jumlah eksport diikuti oleh Mexico (8.1%), China (4.1%), Jepun (3.3%) dan United Kingdom (3.0%). Pada tahun 2009, eksport dan import AS diunjur berkurangan secara mendadak 12.1% dan 15.4%.

Begitu juga di **kawasan euro**, jumlah dagangan menguncup 37.1% kepada USD3,296 bilion (Januari – Jun 2008: USD5,241 bilion) dalam separuh pertama 2009. Rakan dagangan utama kawasan euro ialah United Kingdom dengan peratusan 11.9%, diikuti oleh US (11.3%) dan China (8.8%). Pada tahun 2009, eksport dan import barangan dan perkhidmatan kawasan euro dijangka berkurangan 23.7% dan 23.9%.



Jumlah dagangan **China** menguncup 22.4% kepada USD1,339 bilion bagi bulan Januari hingga bulan Ogos 2009 (Januari – Ogos 2008: USD1,726 bilion). Rakan dagangan utama China adalah EU, mencakupi 16.8% daripada jumlah perdagangan, AS (13.7%) dan Jepun (10.6%). Sementara itu, perdagangan dengan rantau ASEAN menurun 23.8% kepada USD88 bilion. Pada tahun 2009, eksport dan import barangan China dijangka akan bertambah 22.9% dan 15.2%.

Jumlah dagangan **Jepun** menurun 33.7% bagi tempoh bulan Januari hingga Ogos 2009 kepada USD694 bilion (Januari – Ogos 2008: USD1,047 bilion). Dari segi rakan dagangannya, China telah mendahului AS, mencakupi 20.5% daripada jumlah perdagangan, manakala AS mencatat 13.5%. Dagangan dengan ASEAN mewakili 14.1% (USD97.6 bilion) daripada jumlah keseluruhan dagangannya. Eksport dan import barangan dan perkhidmatan Jepun pada tahun 2009 dijangka berkurangan 29.3% dan 16.2%. Salah satu sektor yang terjejas teruk akibat kemelesetan global ialah industri automotif yang mengalami penurunan eksport ke serata dunia sebanyak 47.9%, manakala eksport ke AS menurun 58.7% pada suku tahun kedua 2009.

Singapura mencatat jumlah dagangan sebanyak USD320 bilion bagi tempoh Januari hingga Ogos 2009 (Januari – Ogos 2008: USD462 bilion), iaitu pengurangan 30.7%. Rakan dagangan terbesar Singapura termasuklah EU (13.6%), AS (13.0%), Malaysia (11.3%) dan China (9.9%). Pada tahun 2009, jumlah perdagangan dijangka menguncup di antara 21.0% dan 23.0%.

Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

Tindakan bersama bagi pemulihan ekonomi global...

Kerjasama ekonomi di peringkat antarabangsa menjadi lebih penting apabila kebanyakan negara melaksanakan langkah dasar secara bersama untuk menangani dan mengawal

kesan krisis kewangan global serta kemelesetan ekonomi. Pada peringkat pelbagai hala dan serantau, penyelesaian krisis ini menjadi tumpuan dalam usaha menstabilkan sistem kewangan antarabangsa dan memulihkan pertumbuhan ekonomi.

Dalam konteks ini, institusi kewangan antarabangsa (IFI) seperti Bank Dunia dan IMF telah memainkan peranan aktif dalam membantu ahlinya menangani cabaran akibat krisis kewangan global. Paling utama ialah pengaturan baru bagi membantu negara yang terjejas oleh krisis melalui penyediaan dana bagi menangani kekangan kecairan dan untuk bantuan pembangunan. Dalam hal ini, IMF telah mengambil beberapa langkah bagi menyokong negara anggota, seperti bantuan kemudahan *Flexible Credit Line* kepada negara yang mengurus ekonomi dengan baik untuk menghadapi krisis dan kembali kepada pertumbuhan yang mapan. Langkah lain yang sama penting ialah meningkatkan pinjaman dan menyediakan bantuan teknikal kepada negara berpendapatan rendah. Sehubungan itu, pinjaman yang dikeluarkan oleh IMF mencecah rekod tertinggi berjumlah USD157 bilion, dengan peningkatan ketara dalam pinjaman konsesi kepada negara miskin. Rangka kerja pinjaman telah dirombak bagi menggandakan akses negara anggota kepada sumber dana IMF. Ini dijangka meningkatkan kecekapan dan melonggarkan syarat pinjaman serta menyediakan pinjaman khas berdasarkan kekuatan dan cabaran yang dihadapi oleh negara anggota.

Sumber pinjaman IMF telah ditambah tiga kali ganda kepada USD750 bilion oleh Ketua-ketua Negara G-20 semasa Sidang Kemuncak pada April 2009. Seperti yang dipersetujui semasa Sidang Kemuncak tersebut, IMF telah menyuntik kecairan berjumlah USD250 bilion yang merupakan Hak Pengeluaran Khas (SDR) ke dalam ekonomi global bagi membantu negara yang menghadapi masalah imbalan pembayaran. Bank Pembangunan Asia (ADB) turut meningkatkan asas modalnya tiga kali ganda daripada USD55 bilion kepada USD165 bilion bagi menangani krisis ekonomi global dan membantu keperluan pembangunan jangka panjang di negara Asia Pasifik.



Di kalangan Kumpulan Bank Dunia, Bank Antarabangsa Bagi Pembinaan Semula Dan Pembangunan (IBRD) telah mewujudkan kemudahan *Fast Disbursing Development Policy Loans*. Di samping itu, Bank Dunia juga menyeru negara maju supaya menambah bantuan kewangan dengan menyumbang jumlah bersamaan 0.7% daripada pakej rangsangan mereka kepada *Vulnerability Fund* yang baru ditubuhkan. Setakat akhir bulan Jun 2009, sejumlah USD6.8 bilion telah diterima daripada negara penderma. Bank Dunia juga bersetuju menyediakan dana berjumlah USD58.8 bilion, atau 54% lebih tinggi berbanding tahun 2008. Dana ini adalah untuk membiayai 767 projek bagi menjana pertumbuhan ekonomi, menghapuskan kemiskinan dan membantu pihak swasta. Satu per tiga daripada dana tersebut telah disalurkan bagi tujuan pembiayaan infrastruktur yang diagihkan melalui pinjaman, geran, pelaburan ekuiti dan jaminan bagi membantu negara miskin.

Pada peringkat serantau, Malaysia, Singapura dan Hong Kong membuat pengumuman bersama untuk menjamin sepenuhnya semua jenis deposit institusi perbankan dan bukan perbankan. Jaminan sehingga akhir tahun 2010 terutamanya adalah untuk langkah pencegahan dan berwaspada bagi memelihara keyakinan terhadap institusi kewangan domestik yang kekal teguh dari segi modal dan kecairan yang lebih dari mencukupi.

Di kalangan negara anggota ASEAN+3 (China, Jepun dan ROK) pula, fokus adalah untuk meningkatkan keberkesanan Inisiatif Chiang Mai (CMI) yang dilancarkan pada tahun 2000 bagi membantu ahli yang menghadapi masalah imbalan pembayaran atau masalah kecairan sementara. Ini adalah untuk mengelak berulangnya krisis kewangan Asia 1997/98. Usaha ini melibatkan pengaturan pinjaman swap secara pelbagai hala (CMI *Multilateralisation* – CMIM) yang mencakupi kesemua tiga belas ahli ASEAN+3 di bawah satu perjanjian kontrak tunggal. Sebagai permulaan, sejumlah USD80 bilion telah dipersetujui dengan komitmen daripada ahli ASEAN dan +3 berasaskan kepada nisbah 20:80. Memandangkan krisis kewangan global telah merebak dengan cepat

dan bertambah teruk, jumlah tersebut dinaikkan kepada USD120 bilion. Selain itu, ia juga bertujuan memupuk keyakinan serta memastikan kestabilan pasaran kewangan serantau adalah terjamin. Negara-negara anggota komited untuk memastikan pengaturan CMIM tersebut dapat dilaksanakan pada penghujung tahun 2009.

Menyedari keperluan untuk mengelak krisis kewangan global semasa berulang lagi, gesaan supaya arkitektur kewangan antarabangsa diperbaharui telah meningkat. Bagi mencapai objektif tersebut, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Ketua-ketua Negara G-20 bersetuju menyediakan sumber untuk mengkoordinasi tindak balas bagi memulihkan kredibiliti dan kestabilan sistem kewangan antarabangsa serta keyakinan terhadap IFI. Fokus diberikan kepada usaha-usaha memperkukuh ketelusan dan akauntabiliti, menambah baik peraturan yang sedia ada, mempromosi integriti di dalam pasaran kewangan dan mereformasi Institusi Bretton Woods supaya dapat mencerminkan perubahan aturan ekonomi dunia secukupnya.

Prospek 2010

Pemulihan ekonomi dunia kian kukuh...

Tanda pemulihan ekonomi global dijangka lebih kukuh pada tahun 2010, di mana negara membangun dan negara yang berkembang pesat, terutamanya di Asia akan menerajui pemulihan semula tersebut. Namun begitu, pemulihan ini dijangka lebih perlahan dan tidak mampu mengurangkan paras pengangguran yang tinggi, terutamanya di negara maju. Tambahan pula, memandangkan bank-bank masih memperbaiki penyata kira-kira mereka, aliran kredit ke negara maju dijangka mengalami kekangan. Keadaan ini seterusnya akan menjejaskan aliran modal ke ekonomi negara membangun dan negara yang berkembang pesat.

Langkah rangsangan fiskal secara besaran, yang menyokong permintaan dan mengurangkan risiko sistemik di dalam pasaran kewangan, telah



juga meningkatkan beban fiskal dengan ketara, khususnya di negara maju. Hutang sektor awam di negara maju, sebelum krisis yang berjumlah kira-kira 80% daripada KDNK, diunjur melebihi 110% dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Ini menimbulkan isu bagi mengekalkan kedudukan fiskal yang mapan serta keperluan mengawal perbelanjaan dan mengurangkan paras hutang dalam tempoh sederhana. Namun begitu, memandangkan perbelanjaan dan pelaburan terus perlahan, negara-negara perlu berwaspada supaya tidak menamatkan pakej rangsangan dengan terlalu awal, iaitu sebelum pemulihan ekonomi menjadi lebih kukuh.

Memandangkan pertumbuhan ekonomi di kalangan negara maju dijangka turut perlahan, pertumbuhan perdagangan global dijangka masih lebih rendah pada 2.5%. AS diunjur mencatat pemulihan sebanyak 1.5% pada tahun 2010, sementara kawasan euro dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 0.3%. Namun begitu, pertumbuhan di negara yang berkembang pesat, di mana ekonomi Asia, terutamanya China dan India, dijangka berkembang lebih kukuh kira-kira 5%, akan mendorong perkembangan ekonomi dunia. Justeru, ekonomi dunia dijangka tumbuh semula pada kadar 3.1% (2009: -1.1%) pada tahun 2010.



Krisis Kewangan Global: Punca dan Tindak Balas Dasar

Pengenalan

Krisis kewangan global yang terburuk semenjak **Kemelesetan Besar** ini tercetus apabila satu daripada bank pelaburan global terbesar di Amerika Syarikat (AS) jatuh bankrap pada September 2008. Ini telah membawa kepada penguncupan ekonomi global secara mendadak bermula pada akhir tahun 2008 dan menjadi bertambah buruk dalam tempoh suku pertama 2009. Krisis kewangan ini telah berubah menjadi krisis ekonomi apabila pengeluaran jatuh dan pengangguran meningkat.

Bagaimana bermulanya krisis

Kegoyahan sistem kewangan ini berpunca daripada kelonggaran dasar monetari di negara maju utama selepas kejatuhan mendadak syarikat berkaitan dot-com pada tahun 2001. Kadar faedah dasar yang rendah, terutamanya di AS dalam tempoh 2002–2004 telah memberi kesan kekayaan hasil daripada harga aset, khususnya perumahan dan harta tanah yang melambung naik, justeru mendorong kepada peningkatan perbelanjaan dan pelaburan. Ini menyebabkan permintaan agregat melebihi pengeluaran domestik di AS dan meningkatkan defisit akaun semasa. Justeru, lebih permintaan domestik di AS telah ditampung oleh import dari serata dunia, terutamanya barangan dan perkhidmatan pada kos yang rendah daripada negara membangun yang berkembang pesat. Mengambil iktibar daripada krisis kewangan Asia, negara membangun yang berkembang pesat telah mengumpulkan lebih akaun semasa dan melaburkannya dalam Bil Perbendaharaan AS. Pada masa yang sama harga barangan dan perkhidmatan yang lebih rendah telah memperlahankan kadar inflasi dan seterusnya mendorong negara maju untuk terus mengamalkan dasar monetari yang akomodatif.

Di AS, persekitaran makroekonomi yang stabil telah mendorong kepada penilaian risiko yang lebih rendah berbanding nilai sebenar. Kenaikan harga aset yang berterusan, berserta kadar faedah yang rendah dan instrumen kewangan yang inovatif telah mengakibatkan kenaikan ketara dalam jumlah gadai janji kepada golongan isi rumah yang mempunyai taraf kepercayaan kredit yang rendah melalui skim pinjaman yang berasaskan “tiada pendapatan, tiada pekerjaan atau tiada aset”.

Apabila inflasi mulai meningkat pada tahun 2004, *Federal Reserve Board* telah mengetatkan dasar monetari hingga mengakibatkan kadar bayaran balik yang dikenakan ke atas pinjaman gadai janji melambung naik. Ini membawa kepada kegagalan membayar balik pinjaman subprima dan seterusnya mengakibatkan bank serta institusi kewangan mengalami kerugian besar. Pada Jun 2007, krisis ini semakin meruncing berikutan kejatuhan dua buah institusi kewangan berleverage tinggi yang mengakibatkan kegagalan sistemik, sementara pasaran kredit pula jadi beku. Kekangan kredit di negara maju serta kejatuhan mendadak keyakinan pengguna dan peniaga telah menjejaskan sektor benar. Kegawatan di negara maju utama telah memberi impak yang teruk kepada negara membangun pesat dan negara membangun yang bergantung kepada eksport.

Ketika AS dan Eropah sedang berusaha keras menangani krisis kewangan, kejatuhan *Lehman Brothers* pada September 2008 telah memberi kejutan serta menghancurkan keyakinan para pelabur. Ini telah mendorong kerajaan-kerajaan mengambil tindakan secara individu dan bersama bagi mengurangkan impak dan mengatasi krisis.

Langkah-langkah dasar

Kini krisis nampak semakin reda, hasil daripada rangsangan fiskal kira-kira USD5 trillion dan langkah monetari akomodatif yang dilaksanakan buat pertama kalinya. Di negara maju, krisis ini telah mendorong penyuntikan modal secara besaran ke dalam pasaran kewangan oleh bank-bank pusat. Selain itu, akses kepada kemudahan bank pusat selaku pemberi pinjaman terakhir telah dilonggarkan, kemudahan *swap* tukaran matawang asing telah diwujudkan dan jumlah keperluan rizab juga diturunkan. Kebanyakan negara maju juga menyediakan jaminan yang meluas kepada pendeposit dan pemiutang bank serta beberapa institusi kewangan bukan perbankan. Ini termasuk



jaminan sepenuhnya ke atas deposit dan jaminan bagi penerbitan hutang bank bagi mengekalkan pembiayaan dan mengembalikan keyakinan pelabur. Untuk mencegah penurunan nilai dan kerugian kredit yang lebih lagi, AS dan beberapa negara Eropah melaksanakan strategi campur tangan ke atas bank termasuk mengaturkan pengambilalihan entiti yang lebih lemah oleh rakan kongsi yang lebih kukuh, penutupan dan pemilikan negara.

Pada awalnya, negara berkembang pesat dan negara membangun, khususnya yang kurang berintegrasi dari segi kewangan dengan sistem kewangan global atau yang mempunyai asas makroekonomi dan kewangan kukuh dikatakan tidak terjejas akibat krisis kewangan global. Apabila krisis bertambah buruk, negara-negara ini mulai mengambil langkah melonggarkan kekangan kredit dengan menyediakan sokongan kecairan segera kepada sistem perbankan domestik. Beberapa negara membangun berkembang pesat terutamanya di Asia Timur turut melaksanakan langkah meningkatkan jaminan liputan insurans deposit dan memberi jaminan sepenuhnya bagi mencegah aliran keluar modal dan serbuan orang ramai untuk mengeluarkan deposit mereka di bank. Bagaimanapun, apabila krisis menjadi bertambah buruk dan ekonomi benar mulai terjejas, dasar pelaksanaan rangsangan fiskal telah diberi keutamaan.

Pada masa yang sama, institusi-institusi kewangan antarabangsa telah melaksanakan pengaturan baru bagi membantu negara yang menghadapi krisis imbalan pembayaran dan kecairan. Institusi-institusi ini telah disuntik dengan sumber pinjaman tambahan bagi membantu negara yang terjejas untuk menstabilkan sektor kewangan, mengembalikan pertumbuhan ekonomi serta meringankan beban golongan miskin dan yang mudah terjejas.

Kesimpulan

Adalah jelas bahawa ekonomi global kini beransur pulih, terutamanya disebabkan oleh rangsangan fiskal secara besaran dan dasar monetari yang akomodatif. Sungguhpun demikian, pemulihan ini mungkin perlahan memandangkan pelaburan dan penggunaan adalah masih rendah manakala kadar pengangguran kekal tinggi. Justeru, usaha yang lebih giat perlu diambil untuk memperkukuh dan mengembalikan keyakinan dalam sistem kewangan, terutamanya di negara maju. Sementara itu, pelaburan swasta dan penggunaan serta bantuan kepada golongan miskin dan yang mudah terjejas perlu ditingkatkan untuk mengembalikan pertumbuhan ekonomi.

Krisis ini membuktikan bahawa terdapat kelemahan asas di dalam sistem kawal selia kewangan sedia ada. Arkitektur kewangan antarabangsa adalah perlu distruktur semula bagi memastikan ekonomi dan kewangan terus stabil serta krisis seumpama ini tidak berulang lagi.



Pakej Rangsangan di Negara-negara Terpilih

Tarikh diumumkan	Negara	USD Bilion	Tumpuan pakej rangsangan
17 Feb 09	Amerika Syarikat	787.00	Mewujudkan pekerjaan, menggalakkan perbelanjaan pengguna dan pembinaan semula infrastruktur.
12 Dis 08	Kesatuan Eropah	39.00	Projek-projek merentasi sempadan termasuk sumber tenaga bersih dan menaik taraf infrastruktur telekomunikasi.
13 Jan 09	Jerman	118.00	Aktiviti pembinaan dan pembaikan kemudahan awam, bonus kanak-kanak, faedah sosial, skim insentif bagi melupuskan kereta dan potongan cukai.
5 Nov 08	Perancis	33.00	Pelaburan sektor awam dan memulihkan industri automotif.
13 Dis 08 6 Apr 09	Jepun	250.00 570.00	Perbelanjaan kerajaan, menstabilkan sistem kewangan, geran kepada kerajaan tempatan, jaringan keselamatan sosial untuk pekerja bukan tetap, perniagaan kecil-kecilan, menggiatkan ekonomi serantau, mempromosi tenaga solar, rawatan dan perkhidmatan perubatan serta potongan cukai kepada golongan isi rumah dan syarikat.
10 Nov 08	China	586.00	Perumahan golongan berpendapatan rendah, tenaga elektrik, bekalan air, projek infrastruktur kawasan luar bandar, projek berkaitan alam sekitar dan inovasi teknologi, perbelanjaan penjagaan kesihatan dan kebajikan sosial serta potongan cukai bagi perbelanjaan syarikat.
3 Nov 08 9 Feb 09	Republik Korea	14.64 38.00	Infrastruktur (termasuk jalan raya, universiti, sekolah, hospital), dana untuk SME, nelayan dan keluarga berpendapatan rendah, bantuan untuk industri pembinaan, projek mesra alam termasuk pembinaan empangan, jaringan pengangkutan hijau dan meluaskan kawasan hutan sedia ada serta potongan cukai.
28 Jan 09	Indonesia	6.32	Perbelanjaan infrastruktur, pemotongan harga bahan api dan tenaga elektrik serta insentif cukai kepada syarikat dan individu.
21 Jan 09	Filipina	7.01	Projek infrastruktur, pertanian, pendidikan, penjaga kesihatan, pemberian tunai kepada golongan isi rumah yang miskin dan potongan cukai.
16 Dis 08	Viet Nam	6.00	Perbelanjaan infrastruktur, perumahan, sekolah-sekolah dan hospital serta potongan cukai.
22 Jan 09	Singapura	13.70	Infrastruktur, subsidi gaji pekerja, latihan, pemberian tunai kepada pekerja berpendapatan rendah, menambahkan pengambilan penjawat awam, menjamin 80% daripada risiko pinjaman bank persendirian, meningkatkan bantuan kepada penerima kebajikan, pesara kerajaan dan pelajar, rebat cukai pendapatan individu serta potongan maksimum cukai korporat.
29 Jan 09	Thailand	3.30	Pemberian tunai kepada golongan berpendapatan rendah, meluaskan pendidikan percuma, subsidi pengangkutan dan utiliti serta potongan cukai.
30 Nov 08 10 Mac 09	Malaysia	1.93 16.20	Projek infrastruktur berimpak tinggi, mengurangkan pengangguran dan meningkatkan peluang pekerjaan dan latihan, mengurangkan beban rakyat terutamanya golongan yang mudah terjejas, membantu sektor swasta menghadapi krisis dan membangunkan kapasiti untuk masa depan.

